

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 NOVEMBER 2016

Demonstrasi bawa rebah

Um - 27/11/2016

MUKADIMAH

MASIH ingatkah lagi rakyat negara ini satu insiden di luar pusat persidangan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur pada 16 November 1998.

Ketika itu, penganut fahaman anarki atau reformasi yang menyokong Anwar Ibrahim merusuh di jalanan menyeru untuk menggulingkan kerajaan.

Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore semasa itu merupakan penceramah jemputan forum berkenaan berkongsi pentas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebulan sebelum itu, Gore melancarkan satu serangan terbuka terhadap Dr. Mahathir serta membela Anwar. Bekas Menteri Kewangan yang dipecat sebelum itu mempertahankan syarat-syarat yang diberikan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan menolak kawalan dasar-dasar Dr. Mahathir.

Mendakwa Malaysia tidak dapat mempertahankan keselamatannya, Gore mendesak pengurusan hotel menutup *peristiwa dingyit*. Dikatakan tujuannya untuk menghalang musuhnyanya meletakkan racun dalam sistem aliran penghawa dingin itu.

Kemudian, di hadapan hadirin yang sedang berpeluh, Gore menghasut penganut fahaman anarki.

Tetapi waktu itu apa pendirian Dr. Mahathir terhadap Gore dan campur tangan asing untuk menjatuhkan kerajaan? Dan lebih utama ke atas mereka yang terlibat dalam reformasi atau himpunan jalanan haram yang lebih teruk daripada Bersih hari ini?

Wartawan *Mingguan Malaysia*, ZULKIFLI JALIL menyorot perkara ini, termasuklah ingatan Dr. Mahathir yang acap kali dibangkitkan semasa dalam Ucapan Dasar Presiden merasmikan Perhimpunan Agung UMNO lalu.

Demokrasi dapat memberikan tanda pengesahan bahawa perubahan perlu dalam usaha untuk menjadi efektif, jadi di kalangan negara yang terjejas oleh krisis ekonomi, kami secara berterusan mendengar seruan untuk demokrasi, seruan untuk perubahan dalam banyak bahasa. Kuasa rakyat. Reformasi. Kita mendengarnya pada hari ini, sekarang, di kalangan rakyat Malaysia yang berani."

AL GORE
Naib Presiden Amerika Syarikat
Berucap dalam forum APEC, Kuala Lumpur
November 1998



Kita perlu bakar dia. Al Gore tidak sayang kepada Malaysia dan juga rakyatnya. Al Gore dan kerajaannya hanya mahu memanipulasi dan mengawal negara kita."

DR. MAHATHIR
Berterus terang
membidas Gore, 1998



1999

Apabila disingkir maka Datuk Seri Anwar mula menggugat kestabilan negara. Harapannya ialah supaya kerajaan Malaysia dijatuhkan sepertimana kerajaan di negara lain dijatuhkan. Rakyat dihasut supaya mengadakan demonstrasi dan rusuhan di jalan-jalanraya.

Usaha ini jelas disokong oleh media dan orang asing termasuk pemimpin negara tertentu yang membuat ucapan di negara kita supaya rakyat merusuh untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokratik."

Ucapan Dasar Presiden UMNO
Perhimpunan Agung UMNO 1999



Politik orang Melayu perlu rasional kerana kita memperjuangkan bangsa, agama dan tanahair. Tersilap politik kita, semua kita akan menerima nasib yang buruk."


Ucapan Dasar Presiden UMNO
Perhimpunan Agung UMNO 2000

Bakal penjajah dan boneka mereka di Malaysia masih berusaha untuk melemahkan negara ini. Benteng yang mempertahankan kedaulatan negara ialah UMNO. Jika Malaysia hendak dijajah semula, penjajah mesti langkah mayat UMNO dahulu."

1999

Kita mengamalkan demokrasi kerana janji kebaikan daripadanya, tetapi kita tidak harus korbakan diri kita dan kebaikan yang kita perjuangkan kerana terlalu taksud dengan demokrasi, terutama demokrasi liberal ala Barat."

2000



19 NOVEMBER 2016: Himpunan jalanan haram Bersih 5.0 didominasi kaum Cina, mirip suasana Bersih 4.0 tahun lalu.

Yang anehnya ialah mereka yang ingin kepada reformasi, pemerintahan mengikut undang-undang dan begitu mendukung hak asasi manusia adalah orang yang dahulu dengan senang hati menyertai kerajaan.

Kenapakah mereka tidak mendakwa kerajaan yang mereka menyertai, tidak demokratik dan mencabul hak asasi semasa mereka berada dalam kerajaan?"

Ucapan Dasar Presiden UMNO
2001